

TARIKH: 5/9/23.
SURAT KHABAR: utusan Malaysia
MUKA SURAT: 31

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 5 SEPTEMBER 2023

31

n Negeri

Program TVET perlu dinamik tarik belia

KOTA KINABALU: Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) diolah agar bersifat lebih dinamik bagi memenuhi keperluan golongan belia.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud berkata, dalam usaha menggalakkan penglibatan golongan belia menyertai program TVET, penambahbaikan pelaksanaan dan promosi secara berterusan dilakukan untuk menarik minat golongan tersebut.

Pada masa ini, program TVET yang ditawarkan direka bentuk berasaskan standard pekerjaan yang menepati keperluan semasa industri untuk memastikan graduan TVET dapat memasuki pasaran pekerjaan selepas menamatkan latihan.

Malah, program TVET juga dilaksanakan menerusi latihan secara langsung di tempat kerja sebenar melalui pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang diadaptasi daripada sistem dual di negara Jerman.

Di samping itu, kementerian juga telah mewujudkan sistem pengurusan digital data raya TVET yang sistematik secara dalam talian bagi memastikan penawaran dan permintaan pekerja mahir di negara ini dapat dipenuhi.

“Menyedari golongan belia memerlukan fleksibiliti dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, pelaksanaan program TVET turut diolah agar ia bersifat lebih dinamik.

“Justeru, program TVET berbentuk jangka pendek turut ditawarkan bagi memberi ruang kepada belia mendapatkan persijilan TVET yang berkonsepkan *micro-credential* dengan memberi fokus kepada set kemahiran yang diminati dalam tempoh masa yang lebih singkat,” katanya.

5/9/23
Mustapha Sakmud